

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(I)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

10. Bagaimanakah hospital-hospital swasta di Pulau Pinang telah membantu institusi kesihatan awam, dalam menangani wabak COVID-19?
 - (a) Nyatakan jumlah pesakit (bukan COVID-19) yang telah diterima oleh hospital swasta dari hospital kerajaan sepanjang krisis COVID-19 untuk membantu hospital kerajaan?
 - (b) Apakah implikasi kewangan hospital kerajaan dalam keadaan itu?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan hospital-hospital swasta di Pulau Pinang telah mengadakan satu mesyuarat berhubung pengendalian kes positif COVID-19 dan Pengesahan Kes Yang Disyaki atau *Patient-Under-Investigation* (PUI) pada 23 Mac 2020. Semua kes positif COVID-19 akan dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP) manakala kes-kes yang telah disaring dan didapati bukan COVID-19 seperti kes *Influenza Like Illness*, *Community Acquired Pneumonia* (CAP) dan *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) akan dirawat di hospital swasta. Sekiranya terdapat peningkatan kes COVID-19 di HPP dan berlakunya kekurangan katil, hospital swasta akan mengambil alih kes bukan COVID-19 daripada HPP. Selain daripada itu, beberapa

hospital swasta di Pulau Pinang telah meminjamkan *ventilator* kepada HPP.

- (a) Setakat ini belum ada kes bukan COVID-19 yang dirujuk dari hospital kerajaan ke hospital swasta untuk rawatan lanjut.
- (b) Implikasi kewangan kepada pihak kerajaan masih belum diketahui memandangkan tiada lagi kes bukan COVID-19 dirujuk dari hospital kerajaan ke hospital swasta. Isu berkaitan caj bayaran masih dalam peringkat perbincangan.